



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20 24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.042 TASEK GELUGOR

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.042 TASEK GELUGOR

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Siti Noraiysah Rohim



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.042 TASEK GELUGOR (PULAU PINANG)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III
BAHAGIAN A	
Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-11
BAHAGIAN B	
Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	12
2.0 Pemetaan Isu	13-38
3.0 Pengutamaan Isu	39-43



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyash Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidakadilan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	Negeri Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	Organisasi / Persatuan
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara

Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.042 TASEK GELUGOR (PULAU PINANG)

18 - 21 Disember 2023 (Isnin - Khamis)

**TEMPAT-TEMPAT YANG
TELAH DILAWATI****HARI 1**

- 1: Sesi Dialog bersama Komuniti OKU
- 2: Sesi Dialog bersama Usahawan Kecil
- 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Rohingya
- 4: Sesi Dialog bersama Komuniti India di Flat Taman Tasek Rethina
- 5: Sesi Dialog bersama pekerja-pekerja ladang Mayfield Estate

HARI 2

- 6: Sesi Dialog bersama Warga Emas
- 7: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal dan B40
- 8: Sesi Dialog bersama Petani Sawah
- 9: Sesi Dialog bersama Nelayan Darat
- 10: Lawatan Tapak : Agropelancongan
- 11: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Labuh Banting

HARI 3

- 12: Sesi Dialog bersama Nelayan Laut
- 13: Lawatan Tapak ke Kawasan Rumah Pam Air Melintas
- 14: Lawatan Tapak ke Sekitar Kampung Selamat
- 15: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Setol dan Belia
- 16: Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan
(Inter Agency Dialogue)
- 17: Lawatan Tapak ke Kawasan Sekitar SMK Bakti

PASUKAN PENYELIDIK

Aisyah
(Ketua Penyelidik)



Dr Teo Lee Ken



Nurmaisarah



Mastura

Dengan sokongan
daripada
**Ahli Parlimen
Tasek Gelugor,
YB Datuk Wan
Saifulruddin Wan Jan**



9 November 2023

Mesyuarat awal bersama YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan, Ahli Parlimen Tasek Gelugor di Parlimen Malaysia.



30 November 2023

Mesyuarat profiling bersama dengan pegawai-pegawai yang mewakili Ahli Parlimen Tasek Gelugor iaitu Encik Ahmad Zaki, Encik Shahril dan Encik Muhammad. Mesyuarat yang dijalankan ini bertujuan adalah untuk membincangkan pelan pelaksanaan lawatan tapak yang akan berlangsung di Parlimen Tasek Gelugor.



12 Disember 2023

Mesyuarat pra lawatan bagi Parlimen Tasek Gelugor telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Dr Teo Sue Ann dan Dr Teo Lee Ken. Turut hadir Tuan Pegawai Daerah Tuan Rosmin bin Yaakob, KADO Encik Wan Saiful Wan Ibrahim, wakil-wakil dari pejabat Ahli Parlimen Tasek Gelugor dan wakil-wakil penghulu.



1: Sesi Dialog bersama Komuniti OKU

FGD 1 - Sesi FGD bersama Komuniti OKU daripada PDK Aroma Kasih dan PDK Seri Barinah yang mempunyai pelatih seramai 46 orang. Hadir sama ke perbincangan ini ialah Tuan Penghulu DUN Permatang Berangan, ahli jawatankuasa PDK dan 2 orang penyelia PDK. Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah **(1)** elaun petugas yang rendah dan di bawah kadar gaji minimum **(2)** peralihan fokus daripada pusat pemulihan menjadi pusat jagaan yang akan membebankan pihak petugas dari sudut kewangan **(3)** cabaran dan kekangan dalam memasarkan produk OKU



2: Sesi Dialog bersama Usahawan Kecil

FGD 2 - Sesi FGD yang melibatkan 18 orang usahawan kecil di sekitar kawasan Tasek Gelugor. Kebanyakan mereka menjalankan perniagaan secara dalam talian. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** kos menyewa premis yang tinggi **(2)** kos barang mentah meningkat secara mendadak **(3)** tiada pusat untuk penjualan, pengumpulan dan pemasaran produk.



3: Sesi Dialog bersama Komuniti Rohingya

FGD 3 - Sesi FGD melibatkan 6 orang Rohingya yang tinggal di Flat Taman Tasek Rethina. Isu yang dibangkitkan ialah **(1)** anak-anak tidak mendapat pendidikan dan **(2)** tidak mampu untuk membayar perkhidmatan seperti kesihatan, pengangkutan dan pendidikan.



4: Sesi Dialog bersama Komuniti India di Flat Taman Tasek Rethina

FGD 4 : Sesi FGD ini melibatkan 27 penduduk dari flat tersebut. Pada akhir perbincangan, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan turut hadir. Terdapat beberapa isu yang telah diketengahkan, antaranya ialah **(1)** kos sara hidup yang tinggi **(2)** peluang pekerjaan yang sangat rendah **(3)** kos sewa rumah yang semakin tinggi **(4)** masalah sosial dari kalangan warga asing terutamanya Rohingya



5: Sesi Dialog bersama pekerja-pekerja ladang Mayfield Estate

FGD 5 : Sesi FGD ini melibatkan pekerja-pekerja ladang Mayfield Estate. Antara isu yang telah diketengahkan dalam sesi ini adalah **(1)** status permohonan mendapatkan rumah bantuan kerajaan yang masih tiada jawapan **(2)** gaji pekerja ladang yang rendah dan **(3)** kos sara hidup yang tinggi. Penyelidik juga diberi peluang untuk menemubual seorang mangsa keganasan rumah tangga dan cubaan membunuh oleh suami yang menyimbah petrol, membakar sehingga cedera parah dan melecur 24 peratus pada badan.



6: Sesi Dialog bersama Warga Emas

FGD 6 : Satu sesi FGD telah berlangsung di PAWE Sg Dua, yang merupakan salah satu PAWE yang sangat aktif di Negeri Pulau Pinang. Sesi ini dihadiri oleh Pengerusi PAWE, AJK-AJK dan Penyelia PAWE. Antara perkara yang diketengahkan adalah untuk menjaga kelestarian Kebun PAWE Sg Dua yang melibatkan kos baja, benih yang semakin meningkat. Isu lain ialah premis bangunan yang tidak mampu menampung jumlah ahli PAWE yang ramai.



7: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal dan B40

FGD 7 : Seramai 15 orang penduduk Kampung Tok Adam yang terdiri daripada golongan B40 dan ibu tunggal telah menyertai perbincangan ini. Isu utama yang diutarakan ialah berkenaan banjir yang melanda baru-baru ini. Banjir ini terjadi kerana pintu air tidak dibuka sewaktu hujan lebat yang berterusan. Isu-isu lain yang disentuh ialah **(1)** bantuan kebajikan tidak disalurkan kepada penduduk yang memerlukan kerana maklumat yang tidak sampai, dan juga keterbatasan menggunakan teknologi dalam mendapatkan maklumat dan memohon bantuan **(2)** gangguan haiwan liar seperti babi dan kera di kawasan kampung disebabkan oleh kawasan hutan dibersihkan untuk pembangunan kawasan perumahan baru **(3)** ketiadaan kawasan lapang untuk kanak-kanak bermain.



8: Sesi Dialog bersama Petani Sawah

FGD 8 : Bersama 8 orang petani sawah dan wakil kelompok tani (ketua bagi setiap petani di kampung - kampung). Antara isu yang dibangkitkan adalah **(1)** kos baja, benih, dan racun yang tinggi yang menyebabkan modal untuk operasi penanaman padi meningkat **(2)** harga penjualan padi oleh pesawah yang tidak menentu disebabkan kilang yang mengawal naik turun tingkat harga pembelian hasil hasil pesawah **(3)** pencemaran sawah padi disebabkan air yang bercampur dengan sisa pengeluaran dari ladang ternakan khinzir di Kampung Selamat.



9: Sesi Dialog bersama Nelayan Darat

FGD 9 : Sesi bersama dengan nelayan darat dan juga wakil Koperasi Nelayan Sg Pengkalan Machang . Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** pencemaran air sungai memberi kesan negatif kepada nelayan darat **(2)** punca pendapatan nelayan darat terjejas dan teruk dari tahun ke tahun **(3)** hasil tangkapan yang semakin berkurangan.



10: Lawatan Tapak : Agropelancongan

Para penyelidik diberi peluang untuk merasai satu tarikan agro perlancongan di Parlimen Tasek Gelugor iaitu *River Cruise*. Ia merupakan satu pengalaman menyusuri Sungai Perai bermula dari Jeti Nelayan Pengkalan Machang sehingga Jeti Nelayan Labuh Banting. Menurut Pemandu Pelancong projek agro pelancongan ini telah dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dan kini diusahakan oleh penduduk Kampung Labuh Banting, Kampung Air Itam Dalam dan Kampung Pengkalan Machang.



11: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Labuh Banting

FGD 10: Sesi ini dihadiri oleh Pengerusi Nelayan dan Komuniti Labuh Banting Pulau Pinang Berhad dan penduduk-penduduk Kampung Labuh Banting. Terdapat beberapa isu yang dibincangkan iaitu **(1)** pendapatan nelayan darat yang tidak menentu **(2)** pencemaran air yang memberi kesan negatif kepada hasil tangkapan **(3)** permintaan terhadap udang galah dan ikan lampan adalah tinggi, namun pencemaran air dan kegiatan bom ikan menyebabkan sumber hidupan di air makin berkurangan.



12: Sesi Dialog bersama Nelayan Laut

FGD 11 : Sesi bersama nelayan laut di Bagan Ajam. Antara isu yang telah diketengahkan **(1)** projek tambakan laut memberi kesan buruk kepada nelayan laut yang menyebabkan hasil tangkapan merosot secara mendadak **(2)** nelayan tidak bersetuju dengan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan berkenaan dengan pelupusan bot nelayan yang dikatakan merugikan nelayan laut **(3)** kebanyakan nelayan sudah tidak mampu untuk menjadikan pekerjaan ini sebagai pekerjaan tetap disebabkan oleh pendapatan yang semakin merosot dan kos sara hidup yang semakin tinggi



13: Lawatan Tapak ke Kawasan Rumah Pam Air Melintas

Para penyelidik melakukan lawatan tapak ini di Kampung Air Melintas Kecil untuk melihat sendiri pencemaran sungai berpunca daripada air kumbahan ladang khinzir di kawasan Kampung Selamat. Menerusi lawatan tapak tersebut, salah seorang penduduk kampung tersebut menyatakan bahawa warna air sungai yang sangat kotor dan berwarna hitam bukan hanya menyebabkan pencemaran air, malah pencemaran bau turut berlaku. Pencemaran bau menjadi semakin kuat terutamanya pada waktu malam dan selepas hujan.



14: Lawatan Tapak ke Sekitar Kampung Selamat

Para penyelidik telah melawat sekitar Kampung Selamat selepas mengenalpasti terdapat pencemaran bau berpunca daripada pelepasan najis dari ladang ternakan khinzir. Sepanjang lawatan ke kawasan tersebut, bau yang kurang menyenangkan dapat dirasai. Walaupun penternakan dijalankan di tanah persendirian, namun ia tetap menyebabkan bau busuk kepada penduduk sekitar.



15: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Setol dan Belia

FGD 12 : Sesi bersama Komuniti Kg Setol dan belia di Kg Setol yang terdiri daripada jurulatih, sukarelawan dan belia dari Akademi Bola Sepak Kg Setol. Salah satu komuniti yang sangat aktif. Walaupun mereka tidak mendapat apa-apa dana atau bantuan, mereka mampu mengadakan pelbagai aktiviti bersama-sama sehingga mampu menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa. Terdapat beberapa isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu vape dalam kalangan pelajar sekolah menengah makin meningkat **(2)** masalah sosial dalam kalangan anak muda sejak dari bangku sekolah **(3)** ekurangan dana untuk pembinaan infrastruktur sukan untuk belia di kawasan ini.



16: Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan (Inter Agency Dialogue)

Sesi dialog bersama agensi kerajaan telah dipengerusikan oleh En Wan Saiful Ikmal bin Wan Ibrahim, Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Utara. Sesi ini telah dihadiri oleh 23 individu termasuk pegawai dan wakil-wakil dari Majlis Bandaraya Seberang Perai, Ahli Parlimen, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara, Jabatan Perikanan Daerah Seberang Perai, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar Daerah, Jabatan Kesihatan Daerah, Jabatan Belia dan Sukan, Ibu Pejabat Polis Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Penghulu-Penghulu dan 2 PDK Parlimen Tasek Gelugor. Sesi ini mendapat sokongan, perkongsian dan kerjasama yang baik dari semua agensi terlibat.



17: Lawatan Tapak ke Kawasan Sekitar SMK Bakti


Sebaik sahaja Sesi Dialog Bersama dengan Agensi Kerajaan selesai, satu lawatan di sekitar SMK Bakti telah dilakukan. Hal ini demikian kerana, salah seorang wakil agensi kerajaan, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mengatakan kawasan sekolah tersebut menghadapi masalah bau yang kurang menyenangkan sejak beberapa bulan ini. Dikatakan setiap hari para pelajar dan pendidik akan menghidu bau tersebut.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.042 TASEK GELUGOR (PULAU PINANG)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Tasek Gelugor ini diadakan dengan usahasama daripada YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).</i></p>		 <p><i>YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan</i></p>																								
Parlimen	P 042																									
Kawasan	Tasek Gelugor																									
Negeri	Pulau Pinang																									
Jumlah penduduk	106,899 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>83,595</td> <td>78.2</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>17,745</td> <td>16.6</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>5,238</td> <td>4.9</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>321</td> <td>0.3</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>106,899</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	83,595	78.2	2.	Cina	17,745	16.6	3.	India	5,238	4.9	4.	Lain_lain	321	0.3	JUMLAH KESELURUHAN		106,899	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	83,595	78.2																							
2.	Cina	17,745	16.6																							
3.	India	5,238	4.9																							
4.	Lain_lain	321	0.3																							
JUMLAH KESELURUHAN		106,899	100.00																							
	<p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Tasek Gelugor Pulau Pinang, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.</i></p>																									
Kegiatan Ekonomi Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pertanian: Kawasan ini terkenal dengan aktiviti pertanian, termasuk penanaman padi di kawasan Lahar Yooi dan Nyior Sebatang • Perkhidmatan: Pekan Tasek Gelugor menyediakan pelbagai perkhidmatan dan perniagaan runcit untuk penduduk setempat. 																									
Pasukan Kajian	<ul style="list-style-type: none"> • Siti Noraiysah Rohim: Ketua Penyelidik & Penulis Laporan • Dr Teo Lee Ken: Pembantu Penyelidik • Nurmaisarah Mohd Ashri: Pembantu Penyelidik • Mastura Mohamad: Pembantu Penyelidik 																									

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Tasek Gelugor dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara.

TARIKH	PERKARA
19 Disember 2023 , Selasa	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti Pusat Dalam Komuniti (PDK)• Dialog Bersama Usahawan Kecil• Dialog Bersama Komuniti India• Dialog Bersama Komuniti Rohingya• Dialog Bersama Pekerja-Pekerja ladang Mayfield Estate
20 Disember 2023 , Rabu	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Warga Emas• Dialog Bersama Ibu Tunggal dan B40• Dialog Bersama Petani Sawah• Dialog Bersama Nelayan Darat• Lawatan Tapak: Agro pelancongan• Dialog Bersama Komuniti Kg. Labuh Banting
21 Disember 2023 , Khamis	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Nelayan Laut• Lawatan Tapak ke Kawasan Rumah Pam Air Melintas• Lawatan Tapak ke sekitar Kampung Selamat• Dialog Bersama Komuniti Kg Setol dan Belia
22 Disember 2023 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama Agensi Kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
ISU SOSIAL			
Elaun dan gaji petugas yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelia Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) • Petugas PDK 	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun yang diterima oleh petugas PDK adalah di bawah gaji minimum, dengan penyelia menerima RM1500 dan petugas RM1200. • Status elaun ini sebagai "sagu hati" dan bukan gaji menyebabkan mereka tidak layak menerima caruman KWSP. 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Utara:</p> <p>penyelia menerima elaun sebanyak RM1500, manakala petugas lain menerima RM1200. Walau bagaimanapun, waktu kerja mereka hanya sehingga pukul dua petang, oleh itu ia dianggap sebagai elaun, bukan gaji.</p>
Peruntukan dana yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) • Penyelia PDK • Petugas PDK 	<ul style="list-style-type: none"> • PDK menerima dana yang hanya cukup untuk kos pengurusan dalaman seperti utiliti dan sagu hati petugas, tetapi tidak mencukupi untuk aktiviti luaran atau penyelenggaraan. • PDK terpaksa mencari dana tambahan secara sendiri untuk menjalankan aktiviti 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Utara:</p> <p>Pegawai JKM menjelaskan bahawa isu tersebut berkaitan dengan dasar, namun setakat ini masih belum ada keputusan yang dicapai. Walaupun perkara ini telah dibawa ke perbincangan, pada tahun 2020 tiada keputusan yang dicapai, khususnya berkaitan dengan pertambahan perbelanjaan. Oleh itu, mereka menggalakkan PDK untuk berkembang secara berdikari.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
Kekangan memasarkan produk PDK	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) 	<ul style="list-style-type: none"> • PDK menghasilkan produk seperti makanan sejuk beku yang mempunyai permintaan tinggi di komuniti. 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Utara: mengakui bahawa terdapat banyak produk yang dihasilkan, namun cabaran utamanya adalah dalam aspek pemasaran yang masih terhad.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pemilik menjadi penghalang untuk memasarkan produk ke pasaran yang lebih luas, terhad kepada jualan di peringkat komuniti setempat sahaja 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Utara: Pegawai JKM menerangkan bahawa untuk pasaran perniagaan, terdapat isu kos tinggi seperti sewa tapak, yang menimbulkan kebimbangan. Walaupun jabatan telah menjalankan program untuk membantu memasarkan produk-produk mereka, kebimbangan utama adalah apabila mereka perlu berdikari sepenuhnya selepas ini. Sebelum ini, mereka bergantung kepada bantuan jabatan.</p>
Penukaran status PDK kepada Pusat Jagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kebimbangan terhadap perubahan status PDK kepada pusat jagaan, yang mungkin menyebabkan perubahan dari segi 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Utara: Pegawai JKM menjelaskan bahawa tiada isu berkaitan dengan pertukaran tersebut. Geran tetap akan diterima seperti biasa, dan tiada perubahan dalam pemberian geran</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		peruntukan dana dan penempatan	daripada JKM. Namun, dengan pertukaran daripada PDK kepada NGO, jawatankuasa perlu berusaha sendiri untuk menambah pendapatan.
Kekurangan sistem sokongan dan bantuan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Usahawan Kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai peniaga kecil menghadapi kekurangan bantuan kewangan atau modal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. • Terdapat juga kekurangan maklumat mengenai bantuan kewangan yang sedia ada, dan banyak peniaga tidak mengetahui cara untuk memohon bantuan ini 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (Pengahulu):</p> <p>Syarat untuk mendapatkan bantuan kepada peniaga kecil, pendapatan isi rumah mesti kurang daripada RM3,000 untuk layak memohon. Namun, terdapat kes di mana pemohon tidak memenuhi syarat, seperti apabila suami mereka mempunyai gaji yang tinggi.</p> <p>Kebanyakan pemohon lebih berminat untuk mendapatkan geran daripada pinjaman, tetapi geran lebih sukar diperolehi berbanding pinjaman. Pinjaman tersedia melalui pelbagai agensi seperti Penang Development Corporation, PERDA, dan TEKUN, dengan beberapa skim yang menawarkan pengecualian faedah pada tahun pertama. Kerajaan negeri juga menyediakan bantuan untuk golongan B40,</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			namun hanya bagi mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3,000
Kesukaran mendapatkan premis perniagaan yang sesuai dan mampu milik	<ul style="list-style-type: none"> • Usahawan Kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai peniaga kecil menghadapi masalah untuk mendapatkan premis perniagaan yang mampu milik. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (Penghulu): Tahap untuk mendapatkan gerai kecil memang sukar kerana jumlahnya sangat terhad. Oleh itu, pemohon disarankan memohon kepada agensi-agensi kerajaan lain, seperti PERDA, untuk membina lot kedai kecil berukuran 10x10. Lot ini boleh digunakan sebagai tempat pemprosesan atau kedai untuk mereka menjual produk.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan kedai yang sewanya murah telah penuh, dan tempat-tempat lain mempunyai kos sewa yang terlalu tinggi. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (Penghulu): Gerai di kawasan komersial yang dikendalikan oleh JKP adalah terhad, dan kebanyakan berada di luar daerah tersebut, seperti Pusat Komersial di Tasek Gelugor yang dibina oleh JKP. Permohonan untuk gerai ini sangat tinggi, dan apabila ada peniaga yang berhenti berniaga, tempat tersebut segera diisi kerana sudah ada calon dalam senarai menunggu.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat isu kedai kosong dan dijadikan tempat menyimpan barang di beberapa kawasan 	

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			<p>Sebagai contoh, terdapat gerai di Kailan, Kepala Batas, tetapi sambutannya agak kurang. Di pejabat daerah sendiri, terdapat sekitar 30 gerai, namun semuanya sudah penuh. Gerai yang digunakan sebagai stor telah dikosongkan dan diganti dengan peniaga baru yang memenuhi syarat. Syarat utama adalah peniaga mesti tinggal di daerah Seberang Perai Utara (SPU). Isu kekurangan gerai ini juga berlaku di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).</p>
<p>Masalah <i>vape</i> dalam kalangan pelajar sekolah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Kg Setol • Pelajar Sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan penggunaan <i>vape</i> dalam kalangan pelajar di sekolah rendah dan menengah, terutama di sekitar Kg Setol. 	<p>Pejabat Kesihatan Seberang Perai Utara: Promosi kesihatan mengenai bahaya <i>vape</i> dan rokok juga dijalankan di sekolah-sekolah sepanjang tahun, dengan fokus tambahan akan diberikan di kawasan seperti Kampung Setol jika diperlukan.</p> <p>Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara: Isu melibatkan pelajar sekolah masih boleh dikawal, dan pihak sekolah hanya mengambil tindakan berdasarkan laporan yang diterima</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			<p>daripada sekolah. Di Seberang Perai Utara, terdapat 96 sekolah, termasuk 31 sekolah menengah dan 65 sekolah rendah. Laporan tahunan mengenai isu-isu ini belum diterima dalam dua tahun kebelakangan, kerana sesi persekolahan bermula pada bulan Mac. Pegawai menegaskan bahawa PPD hanya mempunyai kuasa dalam kawasan sekolah sahaja.</p> <p>Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara: Pihak polis telah menjalankan ceramah berkaitan isu vape di sekolah-sekolah, termasuk lawatan ke Pusat Perkhidmatan Setempat (PPS).</p>
Masalah kesihatan warga emas di <i>Mayfield Estate</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja Ladang Mayfield Estate 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai pekerja ladang yang telah berusia mengalami kemerosotan kesihatan akibat pekerjaan mereka yang melibatkan pendedahan kepada bahan kimia seperti baja dan racun 	<p>Pejabat Kesihatan Seberang Perai Utara: Pegawai Kesihatan menyatakan menyatakan ketidakpastian mengenai tahap kesihatan warga emas di Mayfield Estate menunjukkan kemerosotan kerana kawasan tersebut berdekatan dengan klinik kesihatan. Terdapat kemungkinan warga emas menghadapi kesukaran untuk pergi ke sana.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			Oleh itu, pihak kesihatan bercadang untuk menjalankan program <i>outreach</i> di Mayfield Estate bagi memastikan mereka mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan.
Tahap pemilikan rumah yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja Ladang Mayfield Estate • Komuniti India 	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak penduduk tinggal di rumah yang dibina di atas tanah milik orang lain atau tanah wakaf. Akibatnya, mereka tidak layak memohon bantuan untuk membaiki atau membangunkan rumah tersebut. • Komuniti India dan pekerja di Ladang Mayfield Estate menghadapi kesukaran untuk memperoleh rumah kos rendah. Walaupun permohonan telah dibuat bertahun-tahun, banyak yang masih menunggu kelulusan atau tidak menerima respons daripada pihak berkuasa. 	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p> <p>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (Penghulu):</p> <p>Kuota semasa di Pulau Pinang adalah 30% Melayu, 30% Cina, dan 30% India. Kaum India di Pulau Pinang dikategorikan sebagai minoriti, bukan majoriti</p>
Kesan lambakan warga asing	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India 	<ul style="list-style-type: none"> • Kehadiran warga asing di Flat Taman Rethina, terutama dari 	Majlis Bandaraya Seberang Perai:

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Setempat • Flat Taman Tasik Rethina 	<p>kalangan Rohingya telah meningkatkan permintaan terhadap rumah sewa sehingga menyebabkan kos sewa melonjak naik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat isu keselamatan dan kebersihan yang mengganggu kehidupan warga tempatan di Flat Taman Tasik Rethina. 	<p>MBSP tidak mempunyai kuasa untuk menentukan kadar sewa bagi setiap unit flat. Namun, isu sewa ini berada di luar kawalan pihak MBSP.</p> <p>Majlis Bandaraya Seberang Perai: Kawasan tersebut berada di bawah pemilikan persendirian, di bawah Akta Pengurusan Strata, dan berada dalam kawasan milikan persendirian (<i>private ownership</i>). Ini bukan hanya terhad kepada kawasan seperti Rethina; banyak JMB menghadapi situasi serupa. Apabila berlaku isu struktur yang tidak sah (<i>illegal structures</i>), MBSP tidak mempunyai hak untuk meruntuhkannya kerana ia berada di dalam kawasan milikan persendirian. Sebaliknya, jika struktur tersebut berada di kawasan awam atau ruang awam, tindakan boleh diambil di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p>
Peluang untuk pekerjaan belia India sangat rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Belia India, walaupun berkelulusan tinggi seperti STPM, sering menghadapi 	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		diskriminasi dan memerlukan penjamin untuk mendapatkan pekerjaan	
Kebimbangan terhadap kegiatan bekas penagih dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Setempat Kg. Tok Adam 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kg Tok Adam menyuarkan kebimbangan mengenai keselamatan akibat aktiviti sosial jiran yang mencurigakan, termasuk keluar masuk wanita ke rumah dan kemungkinan penjualan barangan terlarang. • Walaupun aduan telah dibuat melalui telefon ke balai polis berdekatan, tiada tindakan diambil 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Tiada penyelenggaraan dari JMB di Flat Taman Tasek Rethina	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India • Penduduk Setempat Flat Taman Tasek Rethina 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada penyelenggaraan dari JMB di Flat Taman Tasek Rethina: Kekurangan penyelenggaraan oleh pihak Pengurusan Badan JMB menyebabkan masalah seperti banjir di tingkat atas akibat tangki bocor, nyamuk 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan):</p> <p>Isu penyelenggaraan biasanya terletak di bawah tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama (JMB). Untuk rumah kos rendah, sering terdapat masalah dalam kutipan bayaran penyelenggaraan. Jika JMB tidak mempunyai dana yang mencukupi, sukar</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<p>yang banyak, dan gangguan ular akibat pokok yang tidak ditebang. Ini menjejaskan kebersihan serta keselamatan penghuni flat tersebut</p>	<p>bagi mereka untuk menjalankan operasi penyelenggaraan dengan baik.</p> <p>Majlis Bandaraya Seberang Perai: Kesesuaian bangunan adalah di bawah pengurusan MBSP. Berdasarkan maklumat yang diterima, terdapat dua isu utama: penyelenggaraan dan ketiadaan Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang kukuh. JMB asal pernah berurusan dengan MBSP dua tahun lalu untuk menubuhkan pengurusan di bawah Akta Pengurusan Strata, dan MBSP telah membantu memudah cara mesyuarat dan proses lain. Namun, tiada tindak balas susulan kepada MBSP, dipercayai kerana kutipan bayaran penyelenggaraan yang rendah.</p> <p>Akibatnya, pemaju asal mengambil alih semula pengurusan, namun mereka menghadapi kesukaran kerana kutipan penyelenggaraan yang tidak mencukupi untuk menanggung kos. Walaupun ada keperluan penyelenggaraan asas seperti</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			<p>menukar lampu koridor, ia tidak dapat dilaksanakan kerana penduduk tidak membayar yuran. Situasi ini menyumbang kepada isu-isu sosial di kawasan tersebut kerana ketiadaan JMB untuk mengurus penyelenggaraan.</p>
<p>Penduduk Kg Tok Adam tidak mengenali ketua kampung/ penghulu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Setempat Kg Tok Adam 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesemua penduduk wanita yang mengikuti sesi dialog ini menyatakan tidak mengenali ketua kampung atau penghulu. • Penghulu tidak pernah turun padang berjumpa dengan penduduk kampung. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (Penghulu): Berlaku salah faham dan berkemungkinan maklumat yang diberi kurang tepat. Pejabat penghulu sentiasa bersedia untuk membantu, terutama dalam situasi seperti bencana atau kejadian yang memerlukan tindakan segera.</p>
<p>Penguatkuasaan undang-undang maritim yang lemah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan laut di kawasan Jeti Bagan Ajam 	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan di Jeti Bagan Ajam menghadapi kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang maritim terhadap penggunaan pukot haram dan laluan transit manusia. • Aduan sering mengambil masa yang lama untuk mendapat respons daripada 	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<p>pihak berkuasa, memberi impak kepada keselamatan komuniti nelayan.</p>	
<p>Kekurangan sistem sokongan dan bantuan kebajikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat Kg Tok Adam • Warga Emas • Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai ibu tunggal dan warga emas di Kg Tok Adam tidak menerima bantuan kebajikan seperti JKM kerana syarat ketat, termasuk memiliki anak yang bekerja atau tiada tanggungan. • Selain itu, ramai warga emas tidak mempunyai kemahiran digital, menyukarkan mereka untuk memohon bantuan melalui aplikasi dalam talian 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Utara:</p> <p>Bantuan untuk warga emas dipengaruhi oleh beberapa syarat. Pertama, bantuan per kapita yang ditetapkan oleh kerajaan Persekutuan adalah RM310. Sekiranya keluarga tersebut menerima zakat sebanyak RM500, mereka tidak layak untuk menerima bantuan tambahan kerana per kapita telah melebihi had.</p> <p>Di Kampung Tok Adam, ramai yang sudah menerima zakat, jadi mereka tidak layak mendapat bantuan JKM.</p> <p>Selain itu, jika warga emas mempunyai anak-anak yang tinggal berdekatan dan mampu menjaga mereka, bantuan tidak akan diberikan kerana tanggungjawab menjaga ibu bapa terletak pada anak-anak. Namun, pengecualian boleh dibuat jika anak-anak</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			tersebut mengalami masalah seperti penagihan, dipenjarakan, atau mempunyai tanggungan yang berat.
Kekurangan sokongan dan fasiliti untuk aktiviti kemasyarakatan/sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Kg Setol 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Bola Sepak Kampung Setol berdepan kekurangan sokongan dan peralatan untuk menggalakkan aktiviti belia, seperti bola sepak dan sepak takraw. • Kekurangan ini menyekat usaha untuk mencegah belia dari terlibat dalam aktiviti sosial yang tidak sihat dan juga mengurangkan kebergantungan kepada gajet elektronik 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Kg Tok Adam 	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Tok Adam tidak mempunyai ruang permainan yang sesuai untuk kanak-kanak. • Padang takraw yang sedia ada tidak diselenggara, menjadikan ia tidak selamat digunakan. 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
	<ul style="list-style-type: none"> Komuniti di Kg Labuh Banting 	<ul style="list-style-type: none"> Ketiadaan dewan komuniti di Kg Labuh Banting menyukarkan penduduk untuk menganjurkan aktiviti sosial atau majlis dan juga mengehadkan peluang penjanaaan pendapatan melalui sewaan ruang 	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>
<p>Prosedur membaikpulih bot nelayan dianggap tidak berasas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan laut 	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan di Bagan Ajam terpaksa memotong atau memusnahkan sampan lama mereka jika ingin menaik taraf sampan kepada yang lebih besar. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, lesen mereka boleh ditarik balik, menjejaskan mata pencarian mereka 	<p>Jabatan Perikanan Daerah Seberang Perai: Pegawai Jabatan Perikanan menjelaskan bahawa berdasarkan Dasar Perikanan sedia ada, permohonan untuk membaik pulih sampan memerlukan sampan lama dimusnahkan bagi mengurangkan jumlah sampan di Pulau Pinang, yang kini mencapai 2,293 unit. Di Pengkalan Bagan Ajam, terdapat 36 sampan berlesen. Tanpa pemusnahan lesen sampan lama, jumlah sampan akan terus meningkat, menyebabkan risiko terlebih tangkapan (<i>overfishing</i>) yang boleh menjejaskan sumber ikan dan pendapatan nelayan berlesen.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
Bantuan kebajikan nelayan yang tidak mencukupi	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan laut 	<ul style="list-style-type: none"> Elaun sara hidup kepada masyarakat nelayan yang sangat terhad dan tidak mencukupi. 	<p>Jabatan Perikanan Daerah Seberang Perai: nelayan yang memiliki lesen kebanyakannya menerima elaun sara hidup sebanyak RM300 sebulan daripada kerajaan Persekutuan. Elaun ini juga diberikan kepada awak-awak (pekerja) yang bekerja di atas bot, dengan maksimum dua orang per sampan, masing-masing menerima RM300 sebulan.</p>
• ISU EKONOMI			
Kos input pertanian yang meningkat	<ul style="list-style-type: none"> Petani sawah Lahar Yooi 	<ul style="list-style-type: none"> Petani berhadapan dengan kenaikan harga input pertanian seperti benih, baja, dan racun serangga. 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Harga jualan padi yang tidak konsisten	<ul style="list-style-type: none"> Petani sawah Lahar Yooi 	<ul style="list-style-type: none"> Kilang padi menawarkan harga yang berbeza bergantung pada musim dan jumlah pengeluaran. Apabila hasil padi berlebihan, harga belian menurun, tetapi apabila pengeluaran rendah, harga naik. Ketidakteraturan harga ini menyukarkan petani untuk 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		merancang dan mengekalkan pendapatan yang stabil.	
Kualiti benih padi yang tidak memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> • Petani sawah Lahar Yooi 	<ul style="list-style-type: none"> • Kualiti benih padi yang diterima tidak memuaskan, menyebabkan hasil tanaman menurun. • Masalah benih yang kurang berkualiti ini mengurangkan hasil pengeluaran daripada empat atau lima tan kepada hanya dua atau tiga tan per musim, yang mengurangkan pendapatan petani 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Bantuan yang lambat ketika bencana alam	<ul style="list-style-type: none"> • Petani sawah Lahar Yooi 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketika berlaku bencana alam seperti banjir yang merosakkan tanaman, proses permohonan bantuan oleh petani sering kali mengambil masa yang sangat lama. • Selain itu, bantuan kadang-kadang ditolak disebabkan perbezaan kecil dalam dokumentasi, menyebabkan 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
Ketidakseragaman harga benih	<ul style="list-style-type: none"> • Petani sawah Lahar Yooi 	<p>petani kehilangan modal untuk penanaman semula.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga benih padi yang berbeza-beza, terutama bagi jenis tertentu seperti CL MR220, yang lebih mahal daripada benih biasa, memberi tekanan tambahan kepada petani. • Ketidakseragaman harga ini disebabkan oleh perbezaan dalam pengurusan harga antara syarikat swasta yang mengeluarkan benih tersebut. 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Pendapatan yang tidak stabil	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat • Nelayan darat • Komuniti India • Nelayan laut • Usahawan Kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawah menghadapi masalah kemiskinan disebabkan oleh harga jualan padi yang rendah serta masalah kualiti benih yang tidak memuaskan. • Pendapatan tidak menentu untuk nelayan di Bagan Ajam akibat projek penambakan 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<p>yang mengurangkan populasi ikan dan udang di kawasan tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India di Flat Taman Tasik Rethina menghadapi kesulitan kerana tiada pendapatan yang mencukupi untuk menampung kehidupan harian mereka. • Pendapatan nelayan darat di Jeti Pengkalan Machang yang semakin berkurang dan tidak lagi menjadi pekerjaan utama • Pendapatan pekerja kilang yang bergantung pada kerja lebih masa (OT) terjejas selepas PKP apabila banyak kilang mengurangkan atau menghentikan bayaran OT. • Pendapatan yang tidak menentu dan bergantung pada jualan harian menyebabkan usahawan 	

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		kecil sukar merancang kewangan.	
Kos sara hidup yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat • Nelayan darat • Komuniti India • Nelayan laut • Ibu tunggal dan wanita • Usahawan kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan harga barangan asas yang memberi kesan kepada masyarakat dan juga usahawan kecil. • Ramai penduduk, terutamanya wanita dan ibu tunggal di Kg Tok Adam, terpaksa mencari pendapatan tambahan kerana pendapatan utama tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup. • Kos sewa rumah semakin meningkat, menjadikan ia satu beban tambahan kepada keluarga berpendapatan rendah. 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
ISU ALAM SEKITAR			
Pencemaran air sungai	<ul style="list-style-type: none"> • Petani • Penduduk setempat • Nelayan Darat 	<ul style="list-style-type: none"> • Sisa kumbahan dari ladang ternakan khinzir di Kampung Selamat mencemarkan air 	Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang: Kerajaan negeri sedang berunding dengan pihak perunding untuk membina loji biogas bagi menghasilkan gas yang boleh digunakan

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<p>sungai yang mengalir ke kawasan sekitarnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran ini bukan sahaja menimbulkan bau yang busuk tetapi juga menyebabkan perubahan warna air sungai, yang mengganggu kehidupan akuatik. • Turut memberi kesan negatif kepada nelayan yang bergantung pada sungai. 	<p>dalam projek-projek tertentu. Projek ini masih dalam peringkat rundingan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, dan jika dilaksanakan, ia dijangka dapat mengurangkan pencemaran sungai dan melindungi kualiti air sungai.</p> <p>Berdasarkan kajian oleh JAS, kualiti air sungai berada pada Kelas Tiga dalam indeks pencemaran, menunjukkan tahap pencemaran yang perlu dikawal. Contoh projek serupa di Valdor mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Melalui teknologi biogas, sisa-sisa khinzir akan dirawat mengikut piawaian sebelum dilepaskan ke dalam sungai, bagi memastikan ia tidak mencemarkan alam sekitar.</p>
Pencemaran bau	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Rumah Pam Air Melintas, Kg Selamat 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan najis khinzir ke saluran sungai dari ladang ternakan di Kampung Selamat 	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar:</p> <p>Terdapat dua isu utama berkaitan pencemaran dari ladang babi yang memberi kesan kepada sawah padi: pencemaran sungai dan pencemaran bau. Kerajaan negeri merancang untuk membina sistem biogas bagi mengurangkan pencemaran sungai,</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran najis khinzir yang semakin serius di Kampung Selamat • Bau yang tidak menyenangkan di sekitar kawasan perumahan dan kampung sekitar - terutamanya pada waktu malam dan selepas hujan. 	<p>seperti projek di Valdor yang akan dilaksanakan di Kampung Selamat. Pada sesi taklimat terdahulu, YB dan wakil syarikat yang akan mengendalikan sistem biogas turut hadir untuk membincangkan pelan ini.</p> <p>Dari segi pencemaran bau, Enakmen Ternakan Babi 2016 menetapkan bahawa semua ladang babi di Pulau Pinang mesti menggunakan sistem tertutup penuh (<i>fully closed house system</i>). Ladang yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberikan lesen dan akan diarahkan tutup. Di daerah Seberang Perai Utara (SPU), terdapat 64 ladang babi, dan sehingga 30 September lalu, sebanyak 20 kompaun bernilai RM152,500 telah dikeluarkan kepada pengusaha yang gagal mematuhi pelesenan penternakan babi 2020. Setakat 20 Oktober, sebanyak 58 ladang telah dilesenkan, dua dalam proses penutupan, dan empat lagi diarahkan tutup kerana tidak mematuhi enakmen tersebut.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			<p>Walaupun bau dari ladang babi sukar dikawal sepenuhnya, pematuhan kepada sistem tertutup dapat mengurangkan bau tersebut. Sebelum ini, penternakan dilakukan dalam sistem terbuka yang menyebabkan bau lebih kuat.</p> <p>Terdapat kira-kira 100,000 ekor babi di kawasan tersebut. Mengikut Sistem Standard Spesifikasi (SSS) yang baru, hanya terdapat satu ladang di Kampung Selamat untuk penternakan babi</p>
Masalah banjir	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat • Kg Tok Adam 	<ul style="list-style-type: none"> • Punca utama banjir di Tasek Gelugor adalah akibat pembangunan yang tidak seimbang dan perancangan tidak berkesan • Kedudukan Kampung Tok Adam yang rendah. • Kegagalan pihak berkuasa untuk membuka pintu air (kok) pada waktu yang tepat semasa hujan lebat. 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Utara Negeri Pulau Pinang:</p> <p>Kampung Tok Adam terletak di kawasan rendah dan bersebelahan dengan Rumah Pam Pengkalan Machang. Pada hari kejadian banjir, terdapat kelewatan dalam pembukaan pintu rumah pam tersebut, yang mungkin menjadi penyebab banjir.</p> <p>Pihak JPS akan meneliti semula situasi tersebut dan telah mengadakan perbincangan dengan YB serta turun ke</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan penyelarasan dan penyelenggaraan infrastruktur saliran 	<p>lokasi kejadian untuk menilai masalah itu. Untuk langkah seterusnya, mereka akan meneliti keseluruhan sistem kawasan tersebut bersama dengan Pejabat Daerah.</p>
Konflik hidupan liar	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kg Tok Adam 	<ul style="list-style-type: none"> • Sejak pembukaan hutan untuk projek perumahan Taman Sungai Muda sekitar tahun 2017, penduduk sering terganggu oleh hidupan liar seperti monyet dan babi yang kerap memasuki rumah mereka. • Walaupun laporan telah dibuat kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), tindakan yang diambil tidak menyeluruh. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (Pengkulu):</p> <p>Pembangunan pesat di Sungai Dua, yang melibatkan pembersihan kawasan hutan dan paya, memberi kesan kepada penduduk asal.</p> <p>Kekurangan kajian impak terhadap penduduk asal menyebabkan pelbagai isu seperti banjir kilat, kemunculan haiwan liar, dan masalah kebajikan.</p> <p>Disebabkan perumahan baharu biasanya dibina di kawasan tinggi, penduduk asal yang tinggal di kawasan rendah berisiko lebih tinggi terjejas oleh banjir.</p> <p>Pengkulu mencadangkan agar pemaju dikenakan syarat untuk membina sistem longkang yang sesuai dan boleh digunakan bersama oleh penduduk asal serta</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
			perumahan baharu, demi kesejahteraan semua pihak.
Cabaran Projek Penambakan Laut (<i>Reclamation Project</i>) kepada nelayan	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Laut di Bagan Ajam 	<ul style="list-style-type: none"> Projek penambakan yang dijalankan di kawasan pembenihan ikan telah menyebabkan penurunan ketara dalam jumlah ikan dan sumber laut. 	<p>Pejabat Perikanan Daerah Seberang Perai: Baru-baru ini telah dibina benteng tengah (<i>middle bank</i>) di kawasan laut dari Bagan Ajam ke Jambatan Pulau Pinang. Kawasan tersebut mempunyai ekosistem rumput laut dan lumut, dan kini sedang dalam peringkat kajian lanjut.</p> <p>Terdapat juga rancangan untuk kajian tambahan di kawasan tersebut bagi memahami lebih lanjut tentang impaknya.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti penambakan menyebabkan pencemaran laut, termasuk pelepasan selut hitam yang beracun. 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
		<ul style="list-style-type: none"> Nelayan mengatakan, kawasan Teluk Tawar, warna kerang juga telah bertukar menjadi hitam. 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Pencemaran di lautan	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Laut di Bagan Ajam 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti pembersihan selut di kawasan Pelabuhan Pulau 	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAAN AGENSI
		<p>Pinang menyebabkan sisa selut jatuh sepanjang laluan kapal yang membawa selut tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Banyak selut yang seharusnya dibuang di lokasi khusus akhirnya tercemar di pesisir pantai apabila kapal-kapal ini beroperasi dengan pintu perut yang mungkin tidak tertutup rapat. • Selut yang jatuh ke pantai ini menyebabkan pencemaran dan mengganggu ekosistem pesisir laut 	

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: GEJALA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penglibatan remaja dan pelajar sekolah dalam gejala sosial kerana kekurangan aktiviti berfaedah. 2. Ketiadaan tempat riadah dan kekurangan program berbentuk sukan dan rekreasi. 3. Penggunaan vape semakin berleluasa, termasuk dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat satu projek kelab sukan dan rekreasi Tasek Gelugor yang lebih aktif dan bergerak ke hadapan. 2. Membentuk satu komuniti yang aktif dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar Sekolah • Remaja
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Kampung Setol • Kampung Tok Adam
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	<p>Sasaran 3.4: Menjelang 2030, kurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang daripada penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan.</p> <p>Sasaran 3.5: Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya.</p>
Matlamat 4: Pendidikan Bermutu	Sasaran 4.7: Menjelang 2030, pastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk, antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup

	mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, promosi budaya keamanan dan penolakan kekerasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.
Matlamat 11: Bandar dan Masyarakat Mampan	Sasaran 11.7: Menjelang 2030, sediakan akses universal kepada ruang hijau dan awam yang selamat, inklusif dan boleh diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan kelainan upaya

PENGUTAMAAN ISU 2: CABARAN PERNIAGAAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan kos barang perniagaan 2. Kekurangan sokongan dan bantuan untuk peniaga kecil-kecilan atau <i>home-made</i> 3. Kesukaran mendapatkan premis perniagaan dan kediaman yang mampu milik 4. Kesukaran pemasaran produk
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program meningkatkan ekonomi usahawan wanita. 2. Mengadakan projek latihan dan sokongan pemasaran digital untuk peniaga tempatan. 3. Menyediakan hub produk usahawan wanita dan OKU serta menyediakan kelas kemahiran dan kelas keusahawanan.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil • Wanita • Ibu Tunggal • Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
Kawasan	Pokok Sena, Jalan Sena Permai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari

	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional
Matlamat 4: Pembelajaran yang Berkualiti	Sasaran 4.3: Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.
Matlamat 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<p>Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektoryang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh.</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p>

PENGUTAMAAN ISU 3: KEMISKINAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kos bahan mentah dan kos hidup yang tinggi 2. Kekurangan sokongan dan bantuan untuk petani sawah 3. Pendapatan yang tidak stabil dalam kalangan petani 4. Kos input pertanian dan operasi yang semakin meningkat.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan hub proses padi komuniti. 2. Memberikan latihan dan kemahiran kepada petani dalam memproses sendiri padi.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk tempatan • Petani sawah

Kawasan	Kawasan Lahar Yooi dan Nyior Sebatang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	<p>Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p>Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p>
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	<p>Sasaran 2.1: Menjelang 2030, tamatkan kelaparan dan pastikan akses oleh semua orang, khususnya golongan miskin dan orang yang rentan, termasuk bayi, kepada makanan yang selamat, berkhasiat dan mencukupi sepanjang tahun.</p> <p>Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, orang peribumi, petani keluarga, pengembala dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber produktif lain dan input, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran, dan peluang untuk menambah nilai dan pekerjaan bukan ladang.</p> <p>Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran, yang membantu mengekalkan ekosistem, yang mengukuhkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim, cuaca ekstrem, kemarau, banjir dan bencana lain, dan yang secara beransur-ansur meningkatkan kualiti tanah dan tanah.</p>

Matlamat 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk melalui tumpuan pada sektor bernilai ditambah tinggi dan intensif buruh.

Sasaran 8.4: Meningkatkan secara progresif kecekapan sumber global dalam penggunaan dan pengeluaran sepanjang 2030, serta berusaha memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada kemerosotan alam sekitar, selaras dengan Rangka Kerja 10 Tahun Program Penggunaan dan Pengeluaran Mampan dengan negara maju sebagai peneraju.

Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja yang sama nilainya.



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>